

**Usul (59):** Hadits-hadits yang menganjurkan supaya bersetubuh dalam keadaan tertutup aurat, atau menampakkan itulah cara terbaik, jika tidak persetubuhan akan dikongsi oleh syaitan dan lain-lain ancaman tidak ada yang sah atau pun hasan. Kalau pun ada hanyalah hadits-hadits yang dha'if atau maudhu' sahaja. Di bawah ini dikemukakan tiga sahaja daripada contoh-contohnya.

#### Contoh Pertama:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ أَهْلَهُ فَلْيَسْتُرْ، فَإِنَّهُ إِذَا لَمْ يَسْتُرْ اسْتَحْيَتْ الْمَلَائِكَةُ وَخَرَجَتْ، وَحَضَرَهُ الشَّيْطَانُ، فَإِذَا كَانَ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ، كَانَ الشَّيْطَانُ فِيهِ شَرِيكَ.".

Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu mendatangi isterinya, maka hendaklah ia bertutup, kerana jika ia tidak bertutup malulah para malaikat dan mereka keluar, syaitan pula masuk. Jika mereka (suami isteri) mendapat anak, syaitanlah yang telah berkongsi dalam perhubungan kelamin mereka."

#### Rujukan:

Al-Bazzaar – Musnad al-Bazzaar j.15 m/s 215, at-Thabaraani – al-Mu'jam al-Ausath j.1 m/s 63 & al-Mu'jam al-Kabir j.19 m/s 108, az-Zaila'i -Nashbu ar-Rāyah j.4 m/s 247, al-Haitsami – Majma' az-Zawā'id j.4 m/s 339 & Kasyfu al-Astār j.2 m/s 52, ad-Dirāyah – Ḥāfiẓ Ibnu hajar al-'Asqalāni – ad-Dirāyah j.2 m/s 228, as-Suyuthi – Jāmi' al-Aḥādīth j.2 m/s 152.

#### Komentar:

(1) Hadits di atas telah dikemukakan oleh at-Thabaraani di dalam a-Mu'jam al-Ausath dan al-Mu'jam al-Kabir dengan sanad berikut:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَمَّادٍ بْنُ زُعْبَةَ، قَالَ: نَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي مَرْيَمَ، قَالَ: نَا ابْنُ أَبِي بَرْزَةَ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ زُحْرٍ، عَنْ أَبِي الْمُنَيْبِ، عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:

Setelah mengemukakannya dengan sanad ini at-Thabaraani berkata, "Hadits ini tidak diriwayatkan daripada Yahya bin Abi Katsir kecuali oleh Abu al-Munib al-Jurasyi. Tidak ada pula orang yang meriwayatkan daripada Abu al-Munib kecuali Ubaidullah

bin Zahr. Yahya bin Ayyub bersendirian dalam meriwayatkannya daripada 'Ubaidullah bin Zahr.

(2) Al-Bazaar juga meriwayatkan hadits itu dengan sedikit perbezaan pada lafaznya. Lihat teks dan sanadnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا عُمر بن الخطاب السجستاني، قال: حَدَّثَنَا سَعِيد بن أَبِي مَرْيَم، قال: حَدَّثَنَا يَحْيَى بن أَيُّوب، قال: حَدَّثَنِي ابْن زُحْر، يعني: عُبيد الله بن زُحْر، عن أَبِي المنيب، عن يَحْيَى بن أَبِي كَثِير، عن أَبِي سَلَمَةَ، عن أَبِي هُرَيْرَةَ، قال: قال رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا أَتَى أَحَدَكُمْ أَهْلُهُ فَلْيَسْتَتِرْ فَإِنَّهُ إِذَا لَمْ يَسْتَتِرْ اسْتَحْيَتِ الْمَلَائِكَةُ فَخَرَجَتْ وَبَقِيَ الشَّيْطَانُ فَإِذَا كَانَ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ كَانَ لِلشَّيْطَانِ فِيهِ نَصِيبٌ.

Setelah mengemukakannya al-Bazaar berkata, "Kami tidak mengetahui hadits ini diriwayatkan dengan lafaz ini daripada Nabi s.a.w. kecuali dengan sanad ini daripada Abi Hurairah daripada Nabi s.a.w. Isnadnya tidak kuat.

(3) Sebenarnya 'Ubaidullah bin Zahr dan Abu al-Munib (nama sebenarnya ialah 'Ubaidullah bin 'Abdillah) yang terdapat di dalam sanad at-Thabaraani itu adalah dua orang perawi dha'if. Tetapi 'Ubaidullah bin Zahr lebih dha'if berbanding Abu al-Munib.

(4) Hadits inilah yang menjadi asas bagi satu ungkapan yang masyhur di sesetengah negeri umat Islam, iaitu: إِذَا حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ هَرَبْتَ الشَّيَاطِينَ (Apabila datang malaikat, larilah syaitan).

(5) Sanad al-Bazaar juga sama dengan sanad at-Thabaraani. Al-Bazaar sendiri mendha'ifkannya. Di dalamnya juga terdapat 'Ubaidullah bin Zahr dan Abu al-Munib.

(6) Matannya juga mungkar kerana bercanggah dengan al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih. Di dalam al-Qur'an Allah berfirman:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُزْوَاجِهِمْ حَافِظُونَ ۖ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝

Bermaksud: dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, (5) kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. (6) (al-Mu'miun:5-6).

Ia juga bercanggah dengan hadits sahih di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ وَأَبُو أُسَامَةَ، قَالَ: حَدَّثَنَا نَهْرُ بْنُ حَكِيمٍ، عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَوْرَاتُنَا، مَا نَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَذَرُ؟ قَالَ: "أَحْفَظْ عَوْرَتَكَ إِلَّا مِنْ رَوْحِكَ أَوْ مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ" قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ الْقَوْمُ بَغَضُهُمْ فِي بَعْضٍ؟ قَالَ: "إِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا تُرِيَهَا أَحَدًا، فَلَا تُرِيَهَا" قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَإِنْ كَانَ أَحَدُنَا خَالِيًا؟ قَالَ: "فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسَخِّخِيَا مِنْهُ مِنَ النَّاسِ".

Bermaksud: Bahz bin Hākīm meriwayatkan daripada ayahnya (Hākīm) daripada datuknya (Mu'āwiah bin Haidah al-Qusyairi), kata beliau: Aku bertanya Rasulullah s.a.w.: "Aurat kita, daripada siapakah kita perlu menjaganya (menutupnya) dan daripada siapakah pula kita tidak perlu menjaganya?" Jawab Nabi s.a.w.: "Jagalah auratmu kecuali terhadap isterimu atau hamba sahaya yang dimilikimu." Kata perawi (Mu'āwiah bin Haidah), aku bertanya lagi: "Bagaimana kalau orang-orang dalam keadaan bersesak-sesak (ramai sangat)?" Jawab Baginda: "Jika engkau mampu tidak menampakkannya kepada orang, maka janganlah sekali-kali engkau menampakkannya (mendedahkannya)." Aku terus bertanya: "Kalau kita bersendirian, bagaimana?" Jawab Baginda: "Allah lebih patut dimalui berbanding manusia." (Hadits riwayat Ibnu Majah, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā'i, Ahmad, al-Hākīm dan lain-lain).

(7) Arahan menutup aurat semasa melakukan perhubungan kelamin itu untuk menjaga dari pandangan siapa sebenarnya? Kalau untuk menjaga daripada pandangan manusia lain, maka benar, kerana seseorang diharamkan membenar orang lain melihat auratnya tanpa keadaan dharurat.

Kalau untuk menjaga daripada pandangan malaikat, maka sia-sia saja menutup aurat dengan kain, kerana malaikat adalah makhluk halus yang dapat melihat walaupun di balik berlapis-lapis pakaian. Syaitan juga sama, ia juga makhluk halus yang penglihatannya dapat menembusi kain-kain yang menutupi tubuh kasar manusia.

(8) Untuk memelihara diri daripada gangguan syaitan zikir dan doa yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. sudah pun mencukupi. Bukankah Baginda telah bersabda?:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ أَنَّ أَحَدَهُمْ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَأْتِيَ أَهْلَهُ قَالَ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا فَإِنَّهُ إِنْ يُقَدَّرُ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ فِي ذَلِكَ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْطَانٌ أَبَدًا.

Bermaksud: Ibnu 'Abbaas meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. bersabda: "Jika seseorang daripada kamu apabila hendak mendatangi (menyetubuhi) isterinya membaca: بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا, niscaya anak yang ditaqdirkan

untuk mereka berdua (suami isteri) dalam persetubuhan itu tidak sama sekali dapat diganggu oleh syaitan. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim dan lain-lain).

#### Contoh Kedua:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ: بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا جَالِسٌ وَعِنْدَهُ امْرَأَةٌ، إِذْ قَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنِّي لَأُحْسِبُكَ تَخْبِرُنِي بِمَا يَفْعَلُ بَيْنَ أَرْوَاجِكُنَّ». قَالَتْ: إِي وَاللَّهِ، يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا لَنَفْتَحُ بِذَلِكَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «فَلَا تَفْعَلْنَ، فَإِنَّ اللَّهَ يَنْقُثُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ». قَالَتْ: «إِنِّي لَأُحْسِبُ إِخْذَاكَ إِذَا أَتَاهَا زَوْجُهَا لِيَكْتَشِفَانِ عَنْهُمَا اللَّحَافَ، يَنْظُرُ أَحَدُهُمَا إِلَى عَوْرَةِ صَاحِبِهِ كَأَنَّهُمَا حِمَارَانِ». قَالَتْ: إِي وَاللَّهِ، يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا لَنَفْعَلُ ذَلِكَ. قَالَ: «فَلَا تَفْعَلَا ذَلِكَ، فَإِنَّ اللَّهَ يَنْقُثُ عَلَى ذَلِكَ».

Bermaksud: Daripada Abi Umāmah, kata beliau: Pernah pada suatu hari ketika Rasulullah s.a.w. sedang duduk-duduk dan di samping Baginda ada seorang perempuan, tiba-tiba Baginda berkata kepadanya: “Sesungguhnya aku percaya kamu menceritakan (kepada orang lain) tentang apa-apa yang dilakukan oleh suami-suamimu terhadapmu.” Jawab perempuan itu: “Ya, demi Allah, ku tebus engkau wahai Rasulullah dengan ayah dan ibuku! Memang kami berbangga dengannya!” Maka bersabdalah Rasulullah s.a.w.: “Jangan dilakukan, sesungguhnya Allah murka kepada orang yang melakukan demikian.”

Seterusnya Rasulullah s.a.w. berkata: “Sesungguhnya aku percaya kamu ketika didatangi suami (bersetubuh), dua-duanya tidak berselimut lagi, malah saling melihat aurat satu sama lain, macam keledai kedua-duanya.” Kata perempuan itu: “Ya, demi Allah, ku tebusengkau dengan ayah dan ibuku, memang kami melakukan begitu.” Kata Rasulullah s.a.w.: “Jangan dilakukan begitu, kerana Allah murka kepada orang yang melakukannya.”

#### Rujukan:

At-Thabaraani – al-Mu’jam al-Kabīr j.8 m/s 208-209, al-Haitsami – Majma’ az-Zawā’id j.4 m/s 294, as-Suyuthi – al-Jāmi’ al-Kabīr j.3 m/s 73, ‘Ali al-Muttaqi al-Hindi – Kanzul ‘Ummāl j.16 m/s 355, Silsilatu al-Aḥādīth ad-Dha’ifah Wa al-Maudhū’ah j.13 m/s 15.

#### Komentar:

Bermaksud: "Nabi s.a.w. lebih pemalu daripada anak dara sunti di balik tabirnya. Apabila Baginda nampak sesuatu (hal) yang tidak disukainya, kami dapat mengesan perasaan tidak suka Baginda pada wajahnya." (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim).

(7) Satu lagi unsur nakārah yang terdapat di dalamnya ialah pasangan suami isteri yang tidak berselimut ketika bersetubuh dan saling melihat aurat satu sama lain diumpamakan dengan keledai. Mereka dikatakan seperti keledai. Bagaimana Rasulullah s.a.w. akan mengumpamakan mereka begitu kalau Allah di dalam al-Qur'an dan Baginda sendiri berdasarkan hadits-hadits yang sahih membenarkannya?!

#### Contoh Ketiga:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: مَا نَظَرْتُ إِلَى فَرْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَطُّ، أَوْ مَا رَأَيْتُ فَرْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَطُّ.

Bermaksud: Kata `Aaishah, "Tidak pernah sama sekali aku melihat kemaluan Nabi s.a.w."

#### Rujukan:

Ahmad – Musnad Ahmad j.40 m/s 402, Ibnu Majah – Sunan Ibnu Majah j.1 m/s 421, Ishaq bin Rāhawaih – al-Musnad j.2 m/s 465, Ibnu Abi Syaibah -al-Mushannaf j.1 m/s 106, at-Tirmidzi – asy-Syamā'il al-Muhammadiyah m/s 203, al-Baihaqi -As-Sunan al-Kubra j.7 m/s 152.

#### Komentar:

(1) Sanad hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ مُصْطُورٍ عَنْ مُوسَى بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ يَزِيدٍ عَنْ مَوْلَى لِعَائِشَةَ قَالَتْ...

Setelah Ibnu Majah mengemukakan hadits tersebut dengan sanad ini beliau berkata, "Kata Abu Bakar (Ibnu Abi Syaibah), Abu Nu`aim selalu menyebut daripada seorang hamba perempuan bebasan (مولاة) `Aaishah."

Sebabnya ialah sanad Ibnu Majah di atas menyebut, sorang hamba lelaki bebasan (مولى) `Aaishah, bukan seorang hamba perempuan bebasan (مولاة) `Aaishah."

(1) Boleh dikatakan hadits ini pada mulanya tersebut di dalam Kitab al-Mu'jam al-Kabir at-Thabaraani sahaja. Selepas itu barulah ia pergi ke dalam kitab-kitab lain. Puncanya tetap sama al-Mu'jam al-Kabir karangan at-Thabaraani. Di bawah ini adalah sanad at-Thabaraani di dalam kitabnya itu:

٧٨٤٤ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ، ثنا سَعِيدُ بْنُ أَبِي مَرْيَمَ، أَنَا يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ، عَنْ عُثَيْدِ اللَّهِ بْنِ زَحْرٍ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ يَزِيدَ، عَنْ الْقَاسِمِ، عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ:

Ia mengandungi tiga orang perawi yang cukup bermasalah. Penulis telah menggarisbawahi nama-nama mereka yang berkenaan.

Al-Haitsami menyebutkan nama seorang sahaja daripada mereka. Setelah mengemukakan hadits di atas beliau berkata, "Hadits ini telah diriwayatkan oleh at-Thabaraani. Di dalam sanadnya ada 'Ali bin Yazid, seorang perawi dha'if."

(2) Perawi-perawi di dalam sanad at-Thabaraani yang dikemukakan di atas bukan perawi dha'if biasa, malah para 'ulama' Rijal mendedahkan perihai mereka lebih daripada apa yang disebut oleh al-Haitsami itu, menyebabkan hadits itu layak sekali dihukum sebagai maudhu'.

'Ubaidullah bin Zahar adalah seorang perawi matrūk seperti gurunya juga 'Ali bin Yazid. Dia meriwayatkan hadits-hadits maudhu' daripada perawi-perawi yang kuat-kuat. Apabila dia meriwayatkan daripada 'Ali bin Yazid tentulah dibawanya bersama malapetaka. Dan apabila terkumpul dalam sanad sesuatu hadits 'Ubaidullah bin Zahar, 'Ali bin Yazid dan al-Qāsim Abu 'Abdir Rahman tentulah ia merupakan hasil rekaan mereka. Demikianlah kata Ibnu Hibbaan.

(3) Oleh kerana hadits contoh kedua ini juga bercanggah dengan al-Qur'an dan hadits-hadits sahih yang telah disebutkan sebelum ini, maka ia tertolak dan tidak boleh dijadikan panduan dalam menentukan hukum berbogel ketika bersetubuh.

(4) Apabila dalam sesuatu hadits disebut ancaman berupa kemurkaan Allah terhadap apa-apa perbuatan manusia, maka ia menunjukkan perbuatan itu berdosa besar dan haram dilakukan. Sedangkan hadits dha'if pun tidak boleh dijadikan dalil untuk mengharam atau memakrulkan sesuatu perbuatan, apalagi hadits maudhu'.

(5) Bahagian pertama hadits contoh kedua di atas masih boleh diterima, iaitu: "Sesungguhnya aku percaya kamu menceritakan (kepada orang lain) tentang apa-apa yang dilakukan oleh suami-suamimu terhadapmu." Jawab perempuan itu: "Ya, demi Allah, ku tebus engkau wahai Rasulullah dengan ayah dan ibuku! Memang kami berbangga dengannya!" Maka bersabdalah Rasulullah s.a.w.: "Jangan dilakukan, sesungguhnya Allah murka kepada orang yang melakukan demikian."

Ini kerana rahsia hubungan sulit antara suami isteri tidak sepatutnya disebarkan kepada orang-orang lain, kecuali dalam kes-kes mahkamah yang tidak dapat tidak didedahkan di hadapan hakim. Adapun mendedahkannya kepada orang-orang yang tidak berkenaan, apalagi berbangga-bangga dengannya, maka itu bercanggah adab dan kesopanan Islam.

Yang menjadi masalahnya ialah bahagian kedua hadits tersebut bermula daripada sabda Baginda s.a.w.: "Sesungguhnya aku percaya kamu ketika didatangi suami (bersetubuh), dua-duanya tidak berselimut lagi, malah saling melihat aurat satu sama lain, macam keledai kedua-duanya." Kata perempuan itu: "Ya, demi Allah, ku tebus engkau dengan ayah dan ibuku, memang kami melakukan begitu." Kata Rasulullah s.a.w.: "Jangan dilakukan begitu, kerana Allah murka kepada orang yang melakukannya."

Sebabnya ialah kerana bercanggahnya dengan sekian banyak ayat al-Qur'an dan hadits Rasulullah s.a.w. yang jauh lebih kuat daripadanya.

(6) Salah satu unsur nakārah yang terdapat di dalam hadits itu ialah terlalu terbukanya Rasulullah s.a.w. berbicara dengan wanita bukan mahramnya dalam soal-soal seksual. Ia adalah suatu hal yang tidak akan anda temui di dalam hadits-hadits sahih. Untuk menjelaskan perkara-perkara seperti itu Nabi s.a.w. biasanya menjadikan isteri-isterinya sebagai perantara. Baginda secara langsung tidak akan bercakap tentangnya. Apalagi jika diingat salah satu sifat yang disebut-sebut dalam hadits yang sahih bahawa Baginda s.a.w. adalah seorang yang sangat pemalu, lebih pemalu lagi daripada anak dara sunti.

Abu Sa'id al-Khudri berkata:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ حَيَاءً مِنَ الْعَذْرَاءِ فِي خُذْرِهَا فَإِذَا رَأَى شَيْئًا يَكْرَهُهُ عَرَفْنَاهُ فِي وَجْهِهِ

Maksudnya ialah Wakī' meriwayatkan daripada Sufyan dengan lafaz عَنْ مَوْلَى لَعَائِشَةَ عَنْ, sementara Abu Nu'aim (al-Fadhil bin Dukain) pula meriwayatkan daripada Sufyan dengan lafaz عَنْ مَوْلَا لَعَائِشَةَ. Ini menunjukkan dua orang perawi daripada Sufyan berbeda dalam menyebutkan perawi daripada 'Aaishah. Seorang daripadanya menyebutkan ia lelaki, seorang lagi pula menyebutkan ia perempuan.

Bagaimanapun kedua-duanya tetap tidak menyebutkan dengan jelas siapa nama hamba lelaki atau hamba perempuan bebasan 'Aaishah itu? Maka perawi yang tidak disebut namanya itu dianggap majhul (tidak diketahui siapa sebenarnya dia)? Akibatnya hadits itu dihukum dha'if oleh para 'ulama' hadits.

Masing-masing daripada Wakī' dan Abu Nu'aim mempunyai mutābi', sehingga tidak dapat ditarjihkan mana-mana satu daripada dua sanad tersebut. Ringkasnya 'illat sanad hadits itu terletak pada jahālah perawinya, sama ada ia lelaki atau perempuan. Selain itu namanya pun tidak dapat diketahui.

Antara enam kitab utama hadits, hadits contoh ketiga itu hanya terdapat di dalam Sunan Ibnu Majah sahaja. Ia merupakan hadits yang sangat-sangat dha'if.

(2) At-Thabaraani di dalam al-Mu'jam as-Shaghīr dan al-Mu'jam al-Ausath mengemukakan hadits yang lebih kurang sama maksudnya dengan hadits contoh ketiga itu, tetapi sanadnya berlainan sama sekali. Lihat hadits berkenaan bersama sanadnya di bawah ini:

١٣٨ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ زَكَرِيَّا شَذَّانُ الْبَصْرِيُّ، حَدَّثَنَا بَرْكَهُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْحَلَبِيُّ، حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ أَصْبَاطٍ حَدَّثَنِي سَفْيَانُ الثَّوْرِيُّ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ جُحَادَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: «مَا رَأَيْتُ غُزْرَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ قَطُّ».

Bermaksud: Kata 'Aaishah, "Tidak pernah sama sekali aku melihat 'aurat Rasulullah s.a.w."

Setelah mengemukakannya at-Thabaraani berkata: لَمْ يَرْوِهِ عَنْ الثَّوْرِيِّ إِلَّا يُونُسُ بْنُ أَصْبَاطٍ تَفَرَّدَ به بَرْكَهُ بْنُ مُحَمَّدٍ (Tidak ada orang yang meriwayatkannya daripada ats-Tsauri kecuali Yusuf bin Asbāth, Barakah bin Muhammad bersendirian dalam meriwayatkannya).

Kemudian datanglah orang-orang lain yang meriwayatkannya dengan sanad at-Thabaraani itu. Antaranya Abu Nu'aim di dalam *Hilyatul Auliya'* j.8 m/s 347, dan al-Khathib di dalam *Tarikh Baghdadnya* j.1 m/s 225.

Sanad at-Thabaraani ini jauh lebih teruk daripada sanad hadits contoh ketiga, kerana di dalamnya terdapat Barakah, seorang perawi pendusta besar dan pereka hadits. Kerananya hadits itu dihukum *maudhu'* oleh para 'ulama' hadits. Ad-Daraquthni berkata, "Barakah bin Muhammad pendusta besar, dia pereka hadits." Al-Haakim berkata, "Dia meriwayatkan hadits-hadits *maudhu'*." Ibnu 'Adi pula berkata, "Semua haditsnya karut."

(3) Terdapat satu lagi hadits yang kononnya diriwayatkan oleh 'Aaishah berhubung dengan perkara ini. Ia lebih jelas daripada yang lain-lain, banyak juga kitab-kitab fiqh dan kitab-kitab Syarah hadits memuatkannya. Sebagai contoh lihat kitab *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Mashabih* (j.7 m/s 2831), al-Mughni karangan Ibnu Qudamah (j.7 m/s 101), *Fiqh as-Sunnah* karangan as-Sayyid Sabiq (j.2 m/s 191), dan lain-lain. Biasanya ia dikemukakan selepas pengarangnya mengemukakan hadits contoh ketiga di atas, lalu selepas itu dikatakan begini:

وفي رواية (ما رأيت منه ولا رأيت مني) تغني الفرج

Bermaksud: Di dalam satu riwayat lain tersebut: "Tidak pernah aku melihat sesuatu daripadanya dan tidak pernah juga dia melihat sesuatu daripadaku." Maksud beliau ('Aaishah) ialah kemaluan.

Kesimpulan hadits itu ialah 'Aaishah tidak pernah melihat aurat (kemaluan) Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. juga tidak pernah melihat aurat (kemaluan) 'Aaishah.

Daripada hadits-hadits seperti ini sesetengah 'ulama' membuat kesimpulan bahawa paling tidak hukum suami atau isteri melihat kemaluan pasangannya adalah makruh. Padahal hadits ini juga tidak sahih, malah ia satu hadits yang palsu juga.

Apa yang menarik ialah boleh dikatakan kesemua pengarang yang mengemukakannya tidak mengaitkannya dengan riwayat sesiapa pun daripada pengarang-pengarang kitab-kitab hadits bersanad. Mereka hanya berkata: وفي رواية (Menurut satu riwayat lain) atau وفي لفظ (Menurut satu lafaz yang lain).

Menurut al-Albānī di dalam as-Silsilat al-Dha'ifah (j.3 m/s 137), hadits ini telah diriwayatkan oleh Abu asy-Syeikh secara lengkap di dalam kitabnya "Akhlāq an-Nabi s.a.w." seperti berikut:

عن محمد ابن القاسم الأسدي : نا أبو كامل بن العلاء عن أبي صالح ، أراه ، عن ابن عباس قال : قالت عائشة رضي الله عنها ما أتى رسول الله صلى الله عليه وسلم أحدا من نسائه إلا متقنعا ، يرخي الثوب على رأسه ، وما رأيته من رسول الله صلى الله عليه وسلم ولا أراه مني.

Bermaksud: 'Aaishah berkata, "Rasulullah s.a.w. tidak mendatangi (menyetubuhi) mana-mana isterinya melainkan dalam keadaan bertutup. Baginda menutupi kepalanya dengan kain. Aku tidak pernah melihat kemaluannya dan Baginda juga tidak pernah melihat kemaluanku." (Lihat Akhlāq an-Nabi s.a.w. m/s 251-252).

Setelah mengemukakannya beliau menghukumnya sebagai hadits maudhu'. Sebabnya ialah al-Asadi itu dikatakan pendusta oleh Imam Ahmad. Imam Ahmad juga mengatakan hadits-haditsnya maudhu', langsung tiada nilainya. Abu Shaleh pula seorang perawi dha'if. Nama sebenarnya ialah Bādzām.

Di dalam Takhrij Ahādīth al-Kassāf pula az-Zaila'i mengaitkan hadits itu dengan riwayat Abu Ya'la di dalam Musnadnya. Lihat hadits berkenaan bersama sanadnya di bawah ini:

ثنا مجاهد بن موسى ثنا محمد بن القاسم الأسدي ثنا أبو العلاء كامل بن العلاء عن أبي صالح أراه عن ابن عباس قال قالت عائشة ما أتى رسول الله صلى الله عليه وسلم أحدا من نسائه إلا متقنعا يرخي الثوب على رأسه وما رأيته من رسول الله صلى الله عليه وسلم ولا أراه مني تغني الفرج

Ternyata haditsnya sama dengan hadits yang dikemukakan oleh Abu as-Syeikh tadi. Sanadnya pun sama juga.

Az-Zaila'i berkata, Ibnu al-Jauzi telah meriwayatkannya melalui saluran riwayat Abu Ya'la itu di dalam kitabnya al-Wafā'.

Kemudian az-Zaila'i berkata, ad-Daraquthni meriwayatkannya di dalam kitabnya yang bernama "Gharā'ib Malik" begini:

حدثنا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ ابْنُ إِسْحَاقَ الْفَارِسِيُّ ثنا مُحَمَّدُ بْنُ كَامِلٍ بْنُ مَيْمُونٍ الزِّيَّاتُ ثنا زَيْدُ بْنُ الْحُسَيْنِ ثنا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ حَدَّثَنِي ابْنُ شِهَابٍ الزُّهْرِيُّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ مَا نَظَرْتُ إِلَى فَرَجِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا نَظَرُ إِلَى فَرَجِي قَطُّ

Bermaksud: 'Aaishah berkata, "Tidak pernah aku memandang kemahuan Rasulullah s.a.w. dan tidak pernah juga Baginda memandang kemaluanku."

Setelah mengemukakannya az-Zaila'i berkata, "Muhammad bin Kamil dan Zaid bin Hasan kedua-duanya perawi dha'if. Tidak benar hadits ini diriwayatkan daripada Malik dan tidak benar juga ia diriwayatkan daripada az-Zuhri." (Lihat Takhrīj Ahādīts al-Kassāf j.1 m/s 458).

Berdasarkan pencarian penulis di dalam al-Maktabah asy-Syamilah, hadits-hadits yang dikemukakan oleh az-Zaila'i itu tidak ada pun di dalam kitab-kitab yang disebutkan itu. Jika kita mengandaikan ia memang ada di dalam nuskah-nuskah yang dipakai oleh az-Zaila'i, tetap juga hadits itu dha'if menurut penilaian az-Zaila'i sendiri.

Hafizh Ibnu Hajar di dalam Taqrīb at-Tahdzīb bahkan berkata tentang Muhammad bin al-Qāsim al-Asadi al-Kufi yang terdapat di dalam sanadnya itu dengan sepatah katanya sahaja, iaitu: كذِبٌ (Mereka telah mengatakan dia pendusta).

(4) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga itulah mungkin yang terbaik dalam bab ini. Tetapi seperti telah sama-sama kita ketahui, ia hanya sebuah hadits yang sangat-sangat dha'if. Sebabnya ia dikatakan sangat-sangat dha'if, kerana selain sanadnya dha'if, isi kandungannya juga bercanggah dengan al-Qur'an dan sekian banyak hadits sahih.

(5) Hadits contoh ketiga hanya menyebut "Tidak pernah aku melihat kemahuan Rasulullah s.a.w." Tetapi tidak pula tersebut di dalamnya "dan Baginda juga tidak pernah melihat kemaluanku" seperti tersebut di dalam hadits-hadits yang telah dibincangkan di atas tadi.

(6) Ibnu Hāzam di dalam kitabnya Al-Muhalla berkata, "Halal kepada lelaki melihat kemahuan isterinya atau hamba sahaya perempuan yang halal disetubuhinya. Mereka juga halal melihat kemaluannya. Ia langsung tidak makruh. Buktinya ialah hadits-hadits yang masyhur daripada 'Aaishah, Ummu Salamah dan Maimunah, Ummahātul

Mu'minin r.a bahawa mereka mandi junub bersama Rasulullah s.a.w. dengan menggunakan air dari bekas yang sama.

Di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Maimunah terdapat keterangan yang lebih sedikit, iaitu Nabi s.a.w. tidak memakai kain basahan. Sebab itulah beliau dapat menceritakan bahawa Nabi s.a.w. memasukkan tangan ke dalam bekas (air), lalu menuangkan air ke atas kemaluannya dan membasuhnya dengan tangan kirinya.

Dengan adanya hadits ini tidak perlu dihiraukan lagi pendapat sesiapa pun. Orang-orang jahil memanglah pelik, setelah mereka mengharuskan persetubuhan, mereka melarang pula melihat kemahuan! Cukupilah kepada kita firman Allah di dalam Surah al-Mu'minūn ayat 5 dan 6, di mana Allah memerintahkan orang-orang mu'min supaya menjaga farajnya (kemaluannya) kecuali terhadap isteri dan hamba sahaya wanitanya, kerana ia tidak tercela.

Pengecualian yang tersebut di dalam firman Allah itu umum untuk melihat, menjamah dan juga menggunakannya (semasa persetubuhan). Pihak yang tidak bersetuju tidak mempunyai sandaran dan pegangan selain daripada hadits yang sangat lemah daripada seorang wanita yang majhul daripada Ummul Mu'minin 'Aaishah: "Tidak pernah aku melihat kemahuan Rasulullah s.a.w.!"

Hadits-hadits yang lain lagi lebih teruk keadaannya daripada hadits itu! (Lihat al-Muhalla j.10 m/s 33).

(7) Jika hadits-hadits sangat dha'if dan maudhu' boleh dijadikan sebagai sandaran hukum-hakam, niscaya hadits di bawah ini paling jelas membatalkan semua hadits-hadits yang telah digunakan oleh sesetengah pihak untuk memakruhkan, kalau pun tidak mengharamkan suami isteri melihat kemahuan satu sama lain. Hadits di bawah ini kalau begitu boleh juga dijadikan sebagai pegangan oleh orang-orang yang mengharuskan dan membenarkannya:

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ النَّبَرِيُّ، عَنْ عَبْدِ الرَّزَّاقِ، عَنْ يَحْيَى بْنِ الْعَلَاءِ، عَنْ ابْنِ أَبِي أَنَسٍ، أَنَّ سَعْدَ بْنَ مَسْعُودٍ الْكَنْدِيُّ، قَالَ: أَتَى عُثْمَانَ بْنَ مَطْعُونٍ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَسْتَحْيِي أَنْ يَرَى أَهْلِي عَوْرَتِي، قَالَ: «وَلَمْ؟ وَقَدْ جَعَلْتُ لَهُمْ لِبَاسًا وَجَعَلْتُ لَكَ لِبَاسًا»، قَالَ: أَكْرَهُ ذَلِكَ، قَالَ: «فَإِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ مِنِّي وَأَرَاهُ مِنْهُمْ»، قَالَ: أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أَنَا»، قَالَ: أَنْتَ؟ فَسَبَّحْتَ إِذَا؟ قَالَ: فَلَمَّا أَتَى عُثْمَانَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ عُثْمَانَ بْنَ مَطْعُونٍ لَحَيٌّ سَيِّيرٌ

Bermaksud: Sa'ad bin Mas'ud al-Kindi berkata, 'Utsman bin Mazh'un datang menemui Rasulullah s.a.w. Beliau berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku benar-benar malu 'auratku dilihat isteriku." Rasulullah s.a.w. bertanya kembali 'Utsman, "Kenapa? Bukankah Allah menjadikanmu sebagai pakaian mereka dan mereka pula dijadikanNya sebagai pakaianmu?" 'Utsman berkata, "Saya tidak suka begitu!" Rasulullah berkata selanjutnya, "Mereka (isteri-isteriku) melihat kemaluanku dan aku juga melihat kemaluan mereka." Kata 'Utsman, "Engkau wahai Rasulullah?! Jawab Baginda, "Ya aku." Tanya 'Utsman lagi, "Engkau? Kalau begitu siapa lagi sesudahmu?" Perawi berkata, setelah 'Utsman pergi, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya 'Utsman bin Mazh'un itu seorang yang sangat pemalu dan celingus." (Hadits riwayat at-Tabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabir dan 'Abdur Razzaq di dalam al-Mushannaf).

Oleh kerana hadits ini tidak sahih, para 'ulama' yang mengharuskan pasangan suami isteri melihat aurat satu sama lain tidak pernah menjadikannya sebagai hujah dan dalil mereka. Hadits ini juga sangat dha'if, kerana di dalam sanadnya ada Yahya bin al-'Ala' seorang perawi matruk. Di dalam sanadnya juga ada Ibnu An'um, iaitu 'Abdur Rahman bin Ziad bin An'um, seorang perawi dha'if.

(8) Ibnu Qudamah di dalam al-Mughni-nya sebelum menulis: وَيُكْرَهُ النَّظَرُ إِلَى الْفَرْجِ (dan makruh melihat kemaluan), dan sebelum mengemukakan hadits-hadits 'Aaishah yang sangat dha'if dan maudhu' itu sebagai dalil bagi orang-orang yang menghukumnya makruh, telah terlebih dahulu mengemukakan pendapat yang lebih kuat kerana ada sokongan daripada al-Qur'an dan hadits-hadits sahih. Kata beliau sebelum itu:

[فَصَلَّ يَبَاحُ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنَ الرُّؤُوسِ النَّظَرُ إِلَى جَمِيعِ بَدَنِ صَاحِبِهِ وَلَمُسَّهُ]

Fasal: Diharuskan Kepada Setiap Orang Daripada Pasangan Suami Isteri Melihat Dan Menjamah Semua Tubuh Pasangannya.

Setelah membuat tajuk ini Ibnu Qudamah berkata, "Dan diharuskan kepada setiap orang daripada pasangan suami isteri melihat dan menjamah semua tubuh pasangannya termasuk kemaluan. Dalilnya ialah hadits yang diriwayatkan oleh Bahz bin Hakim daripada ayahnya daripada datuknya (Mu'awiah bin Haidah al-Qusyairi), kata beliau:

يا رسول الله، عَوْرَاتُنَا، مَا نَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَذَرُ؟ قَالَ: "اَحْفَظْ عَوْرَتَكَ إِلَّا مِنْ زَوْجَتِكَ أَوْ مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ" قَالَ: قُلْتُ: يا رسول الله! أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ الْقَوْمُ بَغَضُهُمْ فِي بَعْضٍ؟ قَالَ: "إِنْ اسْتَظَعْتُ أَنْ لَا تُرِيَهَا أَحَدًا، فَلَا تُرِيْنَهَا" قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَإِنْ كَانَ أَحَدُنَا خَالِيًا؟ قَالَ: "فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيَا مِنْهُ مِنَ النَّاسِ".

Bermaksud: Wahai Rasulallah s.a.w.: "Aurat kita, daripada siapakah kita perlu menjaganya (menutupnya) dan daripada siapakah pula kita tidak perlu menjaganya?" Jawab Nabi s.a.w.: "Jagalah auratmu kecuali terhadap isterimu atau hamba sahaya yang dimilikimu." Kata perawi (Mu'āwiah bin Haidah), aku bertanya lagi: "Bagaimana kalau orang-orang dalam keadaan bersesak-sesak?" Jawab Baginda: "Jika engkau mampu tidak menampakkannya kepada orang, maka janganlah sekali-kali engkau menampakkannya (mendedahkannya)." Aku terus bertanya: "Kalau kita bersendirian, bagaimana?" Jawab Baginda: "Allah lebih patut dimalui berbanding manusia." (Hadits riwayat Ibnu Majah, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā'i, Ahmad, al-Hākim dan lain-lain).

Kata Ibnu Qudāmah seterusnya, hadits ini diriwayatkan oleh Tirmidzi dan beliau berkata ia adalah hadits ḥasan. Oleh kerana pasangan suami isteri boleh bersedap-sedapan dengan kemaluan, maka haruslah juga melihatnya dan menjamahnya seperti bahagian-bahagian badan yang lain. (Lihat al-Mughni j.7 m/s 100-101).